

14/01/2003

`Boleh poligami asal adil'

Norzilawati Abdul Halim

SEJAK Perlis mengumumkan untuk melonggarkan syarat bernikah lagi tanpa persetujuan isteri pertama, awal bulan ini, timbul pelbagai reaksi terutama daripada pertubuhan wanita bukan kerajaan (NGO) yang membantah sekeras-kerasnya pelaksanaannya.

Percanggahan pendapat di antara NGO wanita dan Jabatan Agama Islam Perlis, turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta semua pihak tidak memperbesarkan isu poligami sehingga kerajaan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pakar dalam bidang agama dan perundangan.

Bagi Wanita Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia (JIM) pula yang mengikuti perkembangan isu itu, berpendapat ia perlu dilihat dari dua perspektif berbeza antara lelaki dengan perempuan.

Demikian kata Ketua Wanita Pusat JIM, Dr Harlina Halizah Siraj mewakili wanita JIM pada sidang akhbar yang diadakan di ibu pejabat JIM, baru-baru ini.

"Tidak dinafikan lelaki Islam hari ini melihat keharusan berpoligami sebagai satu hak keistimewaan yang diperuntukkan Allah terhadap mereka. Wanita pula tidak sanggup berkongsi kasih dan terpaksa menjalani kehidupan dengan wanita lain dalam perkahwinan yang mengamalkan poligami.

"Disebabkan kurang ilmu yang mendalam mengenai konsep poligami, tuntutan dan tanggungjawab yang digariskan dalam Islam, ia menimbulkan banyak fitnah, penganiayaan dan ketidakadilan terhadap wanita yang berstatus isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat serta anak-anak mereka.

"Perkara ini bertentangan dengan idealisme poligami dalam Islam yang menekankan konsep keadilan sosial, pembelaan dari sebarang bentuk penganiayaan seperti firman Allah dalam Surah An-Nisa, Ayat 3: `Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yang yatim, maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu tidak dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang saja, atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya,'.

"Wanita JIM sedia maklum mengenai peraturan tidak mensyaratkan kebenaran isteri pertama sebagai satu kemestian bagi seorang suami yang ingin mengamalkan poligami bertujuan mengelakkan pernikahan di negara jiran yang buat masa ini menjadi pilihan pintas bagi suami yang mahu berpoligami tetapi tidak mendapat persetujuan isteri pertama," katanya.

Tambah Dr Harlina, tindakan itu menyebabkan bilangan perkahwinan tidak didaftarkan sah di negara ini meningkat dan ini menimbulkan kesan permasalahan dokumentasi pendaftaran kelahiran anak, tuntutan nafkah, faraid dan banyak lagi. Justeru, bagi mengelak penganiayaan, mengizinkan suami berpoligami adalah jalan terbaik bagi membela nasib isteri dan anak mereka.

Wanita JIM berpendapat, suami hendaklah matang mengukur secara jujur dan menguji sejauh mana kemampuan dan keupayaan dari semua aspek sebelum mempertimbangkan hasrat untuk berpoligami.

Justeru, ketika permohonan poligami daripada Mahkamah Syariah dipertimbangkan wajarlah seseorang yang rapat dan benar-benar mengenali sifat dan keperibadian si suami (jika bukan isterinya) turut sama menilai sama ada beliau mampu atau tidak.

Selain itu, si isteri turut berpeluang menilai dan mendengar pandangan mereka sebagai syarat penting sebelum pihak berwajib memutuskan permohonan

itu.

Dengan cara itu, ia dapat mengelak sebarang penganiayaan dan penindasan. Suami pula perlu akur dan menghormati keputusan Mahkamah Syariah jika didapati tidak layak dan tidak mampu berkahwin lagi.

"Dari sudut keadilan memberi kasih sayang antara isteri-isteri pula, Wanita JIM menerima hakikat adalah mustahil kasih sayang yang berbentuk subjektif itu dapat dikongsi sama rata seperti juga giliran bermalam, peruntukan kewangan, harta dan makan pakai. Justeru, kami menyarankan beberapa cadangan bagi memastikan institusi poligami dalam masyarakat kita terus menyokong konsep keadilan sosial yang menjadi roh dan inti pati ajaran Islam itu sendiri.

"Kepada pihak berwajib supaya mempertingkatkan pendidikan mengenai konsep keadilan sebagai teras ajaran Islam dan diberi khusus mengenai idealisme pelaksanaan poligami sebagaimana yang diamalkan Rasulullah. Sebelum memberi keizinan berpoligami, satu rangka dibentuk untuk menilai keupayaan si suami yang mahu berpoligami bukan saja terhadap isteri dan anak-anak termasuklah bakal isteri.

"Prosedur ini membabitkan proses peningkatan pengetahuan mengenai konsep berpoligami dan tuntutan contohnya mengetengahkan Modul Kursus (Praperkahwinan Poligami) serta sesi temu bual antara kadi atau kaunselor suami, isteri yang sedia ada, anak-anak yang meningkat remaja dan calon isteri muda untuk melihat kesesuaian dan tahap persediaan masing-masing.

"Seterusnya pandangan dan penilaian isteri sedia ada mengenai kemampuan suami untuk berpoligami harus dilakukan secara bertulis, perjanjian antara suami dan isteri sekarang sebagai syarat kebenaran untuk berpoligami. Begitu juga perjanjian persefahaman antara isteri sedia ada dan bakal isteri muda perlu diwujudkan sebagai langkah proaktif yang disyaratkan oleh pihak berwajib untuk melindungi perkahwinan poligami itu dari sebarang tuntutan di kemudian hari," katanya.

Bagi lelaki pula, mereka perlu melihat konsep ini dengan sikap jujur dan matang menepati tuntutan dan garis panduan Islam. Mereka perlu melihat amalan poligami boleh memberi kesan besar kepada dunia dan akhirat dan bukan kerana hak keistimewaan melepaskan kemahuan nafsu. Golongan ini juga hendaklah memahami dan mendalami pengetahuan mengenai konsep poligami sebagai mana yang diamalkan Rasulullah, sebagai langkah persediaan untuk berpoligami.

Sementara wanita Islam pula, mereka perlu menerima keharusan berpoligami sebagai sesuatu yang dibolehkan Islam dan tidak menunjukkan sikap percanggahan terhadap ketentuan Allah terhadap hamba-Nya. Kenyataan ini juga bukan saja dilahirkan oleh sekumpulan wanita JIM juga tetapi turut menerima pandangan dan cadangan daripada ahli lelaki yang kebanyakannya menyokong berpoligami tetapi disyaratkan perlu ada keadilan sesama isteri dan anak.

Wanita JIM akan menganjurkan Bicara Minda yang bertajuk Keadilan Dalam Berpoligami - Antara Idealisme dan Realiti di Kelab Century Paradise Taman Melawati, Kuala Lumpur pada 26 Januari ini dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari. Bicara Minda ini dikendalikan Alias Othman, Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Mohd Naim Mokhtar dan pasangan pengamal poligami.

Yuran pendaftaran ialah RM30 seorang dan RM50 bagi sepasang suami isteri. Hidangan tengah hari disediakan. Untuk maklumat lanjut, telefon Yus: 03-41089669/41073379 atau laman web wjim@pd.jaring.my